

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

JABATAN GEOGRAFI

MASALAH DAN PROSPEK PERTANIAN PADI DI PULAU PINANG

SATU KAJIAN KES

DI PERMATANG SUNGAI DUA, SEBERANG PERAI

DAN

SUNGAI BURUNG, BALIK PULAU

MOHD JAMIL MOHAMED

FEBRUARI 1985

### PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan yang amat berguna sehingga akhirnya saya berjaya menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih saya terutama kepada Penyelia saya Encik Hassan Naziri Khalid kerana telah banyak memberi pertolongan serta nasihat yang amat berguna kepada kajian saya. Begitu juga kepada Encik Morshidi Sirat, yang telah sudi memberi komennya terhadap kajian ini di-peringkat permulaannya.

Tidak ketinggalan juga disini saya mengambil kesempatan merakamkan perhargaan yang tidak terhingga kepada penduduk-penduduk di kawasan kajian yang telah banyak memberi kerjasama mereka ketika saya menjalankan kajian ini. Juga kepada pegawai-pegawai terutama di Bahagian Pertanian, Pejabat Daerah Butterworth yang telah sudi memberi data-data yang perlu untuk kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada ADUN kawasan Sungai Dua yang juga EXCO Pertanian Negeri Pulau Pinang YB Encik Syarif Hj Omar, yang telah sudi melapangkan masanya memberi pendapat dan pandangannya terhadap tajuk kajian saya.

Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang telah memberi kerjasama sama ada secara langsung atau tidak yang tidak mungkin saya sebutkan semuanya di sini dalam membantu kajian ini.

## ABSTRAK

Sektor pertanian adalah merupakan sektor ekonomi yang mempunyai isirumah yang teramai sekali berada di bawah garis kemiskinan berbanding dengan sektor-sektor ekonomi yang lain. Arus pembangunan dan kemajuan yang tidak seimbang diantara berbagai sektor terutama sektor perindustrian dan perdagangan yang ternyata jauh lebih maju dari sektor pertanian membuatkan sumbangan sektor ini kepada Keluaran Negara Kasar semakin hari semakin mengecil. Sebagai salah satu daripada komponen dalam sektor pertanian, pertanian padi juga menghadapi masalah yang sama. Fenomena tanah pertanian padi yang terbiar yang semakin hari semakin meruncing jelas sekali membuktikan bahawa sektor pertanian padi adalah semakin ditinggalkan. Kerajaan melalui berbagai agensinya telah berusaha untuk memajukan semula sektor ini. Pengenalan Dasar Pertanian Negara baru-baru ini adalah membayangkan betapa pentingnya sektor pertanian padi dikekalkan bagi menjamin kecukupan sendiri.

Kajian yang dijalankan cuba untuk menilai sejauhmana prospek pertanian padi di Pulau Pinang dalam persaingan dengan sektor ekonomi yang lain. Dalam menilai prospek ini maka beberapa perkara akan disentuh seperti dasar-dasar kerajaan, sikap serta kemajuan dalam langkah-langkah penyelesaian berbagai masalah yang wujud. Seterusnya

---